



POTENSI PELANCONGAN WARISAN BERASASKAN MAQAM ULAMA DAN PEJUANG ISLAM DI KUALA TERENGGANU

Adi Amiruddin Abdul Wahab^{1*}, Ahmad Adham Alias¹, Ahmad Asyraf Hashim¹, Muhammad Yamin Zaki¹, Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik² & Abdul Wahab Mohd Ali²
adinfo27@gmail.com

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

² Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin

ABSTRAK

Pendahuluan: Negeri Terengganu sejak dahulu memang dikenali dengan kealiman para ulamaknya. Ulamak-ulamak ini telah mewariskan legasi ilmu sam ada dalam bentuk penulisan, murid mahupun institusi. Sehingga kini, sedar atau tidak sedar, para pengkaji, pencinta dan peminat warisan ini terus berkunjung ke negeri Terengganu, termasuklah mengunjungi maqam para ulamak. **Objektif :** Justeru kertas ini cuba mengetengahkan maqam-maqam ulamak sebagai destinasi pelancongan warisan yang amat berpotensi di negeri Terengganu. **Metodologi :** Kajian berbentuk kualitatif ini dibuat melalui telaahan terhadap bahan kepustakaan dan pemerhatian terhadap lokasi berkaitan. **Dapatan :** Kajian mendapati terdapat banyak maqam ulamak di Kuala Terengganu sama ada yang terjaga mahupun terbiar. Tidak ramai yang menyedari apatah lagi mengunjungi kewujudan kubur-kubur ini. Kajian turut mendapati bahawa kemungkinan wujudnya unsur bida'ah dan khurafat dilakukan oleh pengunjung agak minima. Begitupun garis panduan dan penerangan perlu dibuat secara berterusan demi memastikan sektor pelancongan warisan di maqam-maqam ulamak berkembang dan terpelihara dari sebarang elemen yang tidak dibenarkan syarak. **Kesimpulan:** kajian ini melihat pentingnya, peranan pihak-pihak berwajib dalam mempromosikan maqam-maqam ini sebagai salah satu sektor pelancongan warisan yang unik di negeri Terengganu.

Kata Kunci: Maqam, Ulama', Pelancongan, Islam, Warisan

1.0 PENGENALAN

Industri pelancongan adalah merupakan salah satu aktiviti yang dapat memberikan pulangan besar kepada sesebuah negara. Antara negara yang berkecimpung dalam kegiatan pelancongan warisan yang menyumbang kepada hasil utama negara ialah Mesir, Turki, Monaco dan Indonesia. Data yang dikeluarkan oleh World Tourism Organisation (WTO) menyatakan bahawa kegiatan industri pelancongan pada tahun 2000 merupakan hasil pendapatan tertinggi berbanding dengan sektor lain kerana menghasilkan jumlah sebanyak US\$476 billion dan berkembang dalam kadar 5-6% setahun (World Tourism Organisation 2001). Manakala pada tahun 2007 jumlah hasil pelancongan di dunia adalah

US\$856 billion, jumlah yang meningkat naik sebanyak 5.6% dari tahun 2006 (UNWTO 2008). Menjelang tahun 2011, aktiviti pelancongan seluruh dunia berkembang sebanyak 4.6% berbanding tahun 2010 dengan memperoleh pendapatan sebanyak US\$ 1 trillion, jumlah yang pertama kali dicapai bagi angka trillion (UNWTO 2011). Selain memberikan pendapatan terbesar, industri pelancongan juga menawarkan peluang pekerjaan yang paling banyak di dunia, malahan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan bagi negara-negara di kepulauan Pasifik, Thailand, Bali (Indonesia). Penglibatan tenaga kerja melibatkan pelbagai kumpulan bermula dengan operator pelancongan hinggalah kepada penduduk yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan perkhidmatan kepada pelancong. Di Malaysia pada tahun 2005, kegiatan pelancongan merupakan antara penyumbang pendapatan negara yang ketiga penting dan ia diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah industri yang mendapatkan pendapatan besar kepada negara. Pada tahun 2011, jumlah pendapatan industri pelancongan Malaysia adalah sebanyak RM21.4 billion (Kementerian Pelancongan Malaysia 2012) Perkembangan sesuatu kegiatan pelancongan bergantung kepada bilangan pelancong yang datang ke sesuatu destinasi yang dapat memberikan tarikan kepada mereka. Kunjungan adalah disebabkan oleh tarikan yang ada di sesebuah destinasi pelancongan seperti kawasan riadah dan rekreasi termasuklah di kawasan pantai, tanah-tanah tinggi atau hutan, kawasan-kawasan bersejarah dan tempat membeli belah (Binns & Etienne 2002: 235). Tinggalan-tinggalan sejarah juga seringkali digunakan sebagai salah satu tarikan pelancong yang tinggi. Di Mesir, tinggalan sejarah daripada tamadun Mesir purba menawarkan daya tarikan kepada pengunjung luar sehinggakan seseorang pelancong dianggap tidak melawat Mesir jika mereka tidak melawat kawasan bersejarah seperti Spinx dan Piramid. Sehubungan dengan itu, Malaysia juga turut membangunkan kawasan-kawasan bersejarah sebagai daya tarikan pelancong. Di Terengganu, terdapat beberapa maqam ulama dan pejuang Islam di sini yang bertempat di Kuala Terengganu. Sehubungan dengan itu, penulis akan mengkaji serba sedikit potensi pelancongan warisan berasaskan maqam ulama dan pejuang Islam di Kuala Terengganu.

2.0 KONSEP PELANCONGAN WARISAN

Pelancongan merupakan salah satu industri yang berkembang pesat bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Pembangunan pelancongan dilihat sebagai aktiviti ekonomi yang penting dalam meningkatkan ekonomi penduduk tempatan. Warisan pula

telah menjadi semakin penting kepada pelancong hari ini. Warisan dikategorikan sebagai komponen penting dalam pembangunan pelancongan dan dapat dilihat aktiviti perjalanan mengunjungi destinasi berteraskan warisan telah berkembang dengan pesat.

Definisi warisan ialah merupakan pusaka peninggalan masa silam yang masih diamalkan pada hari ini dan diperturunkan dari generasi sekarang kepada generasi akan datang. Definisi warisan merupakan sesuatu yang subjektif dan luas dan ianya tiada had masa dan garisan yang dapat menentukan sesuatu khazanah atau peninggalan itu layak dipanggil warisan biarpun sesuatu itu diwarisi dari satu generasi ke generasi lain.

Pelancongan warisan merupakan satu bentuk pelancongan untuk melihat segala khazanah warisan yang telah diwarisi seperti sejarah, kebudayaan, kesenian alam semulajadi, artifak dan keagamaan. Pelancongan warisan ini didapati bahawa warisan itulah menjadi tonggak utama bagi produk yang ditawarkan dan warisan menjadi faktor utama dalam menggalakkan pelawat atau pelancong. Dari sudut pelancongan, warisan tersebut mestilah menarik dan mudah untuk dilawati oleh para pelancong atau pelawat. Pelancongan warisan merupakan satu fenomena baru, akan tetapi budaya melawat tempat-tempat warisan ini sudah wujud dan popular sejak dahulu lagi.

3.0 MAKAM ULAMA SILAM DI SEKITAR KUALA TERENGGANU.

Darul Iman merupakan lambang atau panggilan yang diberikan kepada kerajaan Negeri Terengganu. Antara sebabnya yang utama termasuklah negeri ini merupakan salah satu tempat yang melahirkan ramai tokoh agamawan atau ulama yang sangat hebat dari segi keilmuannya khususnya dalam bidang agama di alam nusantara ini bahkan ada yang bertaraf dunia.

Makam Tok Ku Paloh

Tok Ku Paloh (Sayid Abdur Rahman bin Sayid Muhammad al-Aidrus) (1817-1917). Beliau merupakan anak kepada seorang ulama terkenal Terengganu iaitu Tok Ku Tuan Besar yang merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW. Antara anak muridnya terkenal adalah seperti Sultan Zainal Abidin III, Tuan Haji Abdul Rahman Limbong, Haji Mohd [Mat] Hassan bin Munas (Tok Janggut) dan sebagainya. Bahkan, pahlawan Pahang yang menentang campurtangan Inggeris di negeri tersebut seperti Tok Gajah, Dato' Bahaman

dan Mat Kilau pernah berkesempatan menuntut ilmu dari Syeikh Tokku Paloh semasa mendapatkan perlindungan daripadanya.

Beliau meninggalkan khazanah dalam bentuk penulisan kitab-kitab seperti Dhiya 'Uqud ad-Durratain dan manuskrip tasawuf yang sangat terkenal di kalangan masyarakat Tasawuf di Terengganu, Kelantan dan Pahang, Ma'arij al-Lahfan. Syeikh Tokku Paloh juga memilih Tarekat Naqsyabandiah sebagai amalan tasawufnya. Beliau terlibat secara langsung dengan pemerintahan dan pentadbiran Negeri Terengganu, terutamanya semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Beliau menjadi Syeikhul Ulama (jawatan yang pernah disandang oleh ayahnya Tok Ku Tuan Besar) yang menasihati Sultan dalam hal-hal pentadbiran negeri agar sejajar dengan syariat dan hukum Islam dan merupakan salah-seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Beliau lebih banyak membuat perhubungan peribadi dengan Sultan Zainal Abidin III daripada perhubungan secara rasmi. Beliau antara individu penting dalam penggubalan 'Itqan al-Muluk bi Takdi as-Suluk (Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu). Kerana kewibawaannya, beliau diberi mandat oleh Sultan mentadbir kawasan Paloh dan mengawasi kawasan Hulu Terengganu.

Beliau juga diterima sebagai penasihat pertama dan utama kepada sultan dalam berbagai persoalan. Beliau tegas dan pintar dalam bidang diplomatik dan sering diberi peluang mewakili sultan berunding dengan pihak British sehingga pada zaman itu British gagal menjajah Terengganu. Tok Ku Paloh terkenal sebagai seorang wali Allah yang mempunyai berbagai karamah dan sentiasa mendapat bantuan Allah swt khususnya sewaktu mengendalikan urusan rakyat. Tok Ku Paloh adalah khalifah Tareqat Naqsyabandiah, dan beliau turut mengamal dan mengembang luaskan 'Syahadat Tokku' satu amalan yang disusun oleh ayahnya Tokku Tuan Besar. Beliau mempunyai mahkamah keadilan sendiri di Paloh, dengan mendapat mandat daripada sultan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan besar dan mengadili penjahat-penjahat di kawasan pentadbirannya. Mana-mana keputusan yang dibuatnya dikira muktamad tanpa perlu merujuk kepada sultan.

Makam Tok Ku Tuan Besar

Saiyid Muhammad bin Saiyid Zainal Abidin al Aidrus atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar (1785-1878M). Antara kitab-kitab hasil tulisannya adalah seperti Kanzul Ula, Jauharus Saniyah, Durrataini fi Tarjamati Kalimataisy Syahadataini, Tuhfatul Wildan,

Sirratun Nabawiah, Salasilah Ratib al-Hadad dan sebagainya. Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Sultan Omar (1839-1876) dan dilantik sebagai ulama penasihat istana dengan gelaran Paduka Raja Indera. Sultan Umar (1839M-1875M) telah menubuhkan beberapa jabatan penting antaranya Dewan Ulama yang diketuai oleh Tok Ku Tuan Besar sebagai Syeikhul Ulama. Ia merupakan badan tertinggi dalam kerajaan negeri Terengganu dan berfungsi sebagai tempat rujukan dalam semua bidang serta menyelesaikan masalah negeri. Sebagai Syeikhul Ulama, beliau merupakan ketua seluruh ulama Terengganu. Kedua-dua kedudukan itu menjadikan Tokku Tuan Besar sangat dihormati dan berpengaruh di kalangan istana dan rakyat keseluruhannya.

Tok Ku Tuan Besar pernah menjadi Mufti Terengganu ke-2 dari 1860 hingga 1878. Malah beliau telah diberi kuasa autonomi untuk menguruskan daerah Cabang Tiga oleh Sultan Umar. Beliau telah menjadikan masjid sebagai pejabatnya, membina sebuah rumah pasung bagi menahan pesalah dan sebatang tiang untuk mengikat orang-orang yang dikenakan ta'zir kerana tidak berpuasa dan solat Jumaat. Penyerahan daerah Cabang Tiga dan kawasan sekitarnya merupakan satu pengiktirafan serta kepercayaan kepada seorang ulama untuk mentadbir sebahagian daripada negeri Terengganu.

Makam Tok Pulau Manis


Syeikh Tok Pulau Manis atau nama sebenarnya Syeikh Abdul Malik merupakan seorang lagi ulama terkemuka Negeri Terengganu dan Alam Melayu. Beliau dilahirkan pada tahun 1650-an di Kampung Pauh, Hulu Terengganu. Beliau berketurunan Sharif Muhammad, yang berasal dari Baghdad, mempunyai pertalian darah dengan Sharif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati), salah-seorang Wali Songo yang terkenal di Indonesia dan Nusantara. Beliau juga mempunyai nasab dari keluarga Rasulullah Saw melalui Syaidina Hussien RA, putera Syaidina Ali bin Abu Talib dengan Syaidatina Fatimah binti Rasulullah SAW. Syeikh Tok Pulau Manis kembali ke Terengganu ketika berusia 40 tahun. Beliau mempunyai pertalian yang erat dengan pembesar tempatan di Terengganu. Malah dikatakan beliau yang bertanggungjawab menabalkan Sultan Zainal Abidin I (1725-1734) sebagai Sultan Terengganu yang pertama. Sultan Zainal Abidin I juga dikatakan menantu Syeikh Tokku Pulau Manis. Ketika Syeikh Tokku Pulau Manis berpindah ke Pulau Manis dari Hulu Terengganu, Sultan Zainal Abidin juga ikut sama berpindah dan menjadikan Kuala Terengganu sebagai pusat pemerintahan baginda.

Di samping bertugas sebagai mufti Kerajaan Terengganu, beliau menjadikan Kampung Pulau Manis sebagai tempat penyebaran dan perkembangan ilmu islam. Pusat pengajiannya didatangi orang ramai bukan setakat sekitar dari Terengganu dan Pahang bahkan dari sekitar Alam Melayu untuk menuntut ilmu agama di sini.

Ada juga sumber yang mencatatkan setelah pulang ke Terengganu (Kuala Berang), Syeikh Tok Pulau Manis telah dijodohkan oleh ayahnya dengan Puteri Mahpuri, anak salah-seorang pembesar yang berasal dari Johor yang menetap di Terengganu. Setelah ayahnya meninggal dunia, beliau ditabalkan menjadi pemerintah kerajaan Islam Temir ketika itu. Walau bagaimanapun, keinginan untuk berdakwah dan menyebarkan agama Islam lebih menarik hatinya.

Beliau kemudiannya bermesyuarat dengan para pembesarnya untuk mencari penggantinya sebagai pemerintah. Akhirnya mesyuarat tersebut memutuskan Tun Jenal, anak muridnya dan anak seorang pembesar Johor dilantik menjadi pemerintah dengan syarat Tun Jenal hendaklah berkahwin dengan Siti Zubaidah, puteri Syeikh Tok Pulau Manis. Selain itu mesyuarat tersebut juga memutuskan Syeikh Tok Pulau Manis kekal sebagai penasihat dan ulama istana.

4.0 PETA dan JADUAL PERJALANAN ZIARAH SEKITAR KUALA TERENGGANU



Jadual perjalanan :

- 07.00 pagi : Berkumpul di Universiti Sultan Zainal Abidin
- 07.30 pagi : Bertolak dari Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak ke maqam ulama Tokku Paloh
- 08.00 pagi : Tiba di makam ulama Tokku Paloh
- 09.30 pagi : Tiba di makam ulama Tokku Tuan Besar
- 10.30 pagi : Tiba di makam ulama Tok Pulau manis
- 11.30 pagi : Bertolak balik ke Universiti Sultan Zainal Abidin

5.0 HUKUM MENZIARAH MAQAM

Amalan menziarahi kubur atau maqam adalah amat dituntut di dalam ajaran Islam. Hukumnya adalah sunat mengikut pendapat yang sahih (Zulkifli Mohd,2015). Hal ini berdasarkan kepada nas yang banyak walaupun amalan menziarahi kubur dilarang oleh Rasulullah SAW pada awalnya, dan kemudiannya dibenarkan. Ini berdasarkan Rasulullah SAW bersabda:

كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا

Maksudnya: "Adalah aku dahulu telah melarang kamu menziarahi kubur, maka ziarahlah."

Para ulama telah bersepakat bahawa menzarahi kubur bagi kaum lelaki adalah dibolehkan, bagi kaum wanita pula al-Hafiz Ibn al-Arabi yang mensyarahkan hadith riwayat al-Taurmuzi berkata *"Yang benar adalah Nabi SAW membolehkan menziarahi kubur untuk lelaki dan perempuan. Jika ada sebahagian yang menganggapnya makruh bagi perempuan, maka hal itu kerana lemahnya kemampuan perempuan untuk bersikap tabah dan sabar sewaktu berada di kubur atau kerana penampilan yang tidak menutup aurat dengan sempurna."* Secara rumusannya, hokum kaum wanita menziarahi kubur adalah harus jika tujuannya adalah untuk mengambil iktibar dan untuk mengingati kematian di samping menjaga adab-adab. Namun jika tujuannya adalah sebaliknya dan tidak menjaga adab yang telah ditetapkan untuk menziarahi kubur maka hukumnya boleh menjadi haram.

Adab Menziarahi Kubur

Antara tujuan utama setiap muslim disarankan untuk menziarahi kubur atau makam ulama adalah tidak bukan untuk mengingati akan kematian dan kehidupan selepasnya iaitu hari akhirat. Oleh itu wujud beberapa panduan atau adab semasa menziarahi kubur demi menjaga kesucian amalan menziarahi kubur atau makam dari perkara yang sesat dan sesbagainya. Antaranya :

1. Mengucapkan Salam

Disunatkan bagi orang yang menziarahi kubur mengucapkan salam kepada penghuni kubur Muslim. Afdal dilakukan dalam keadaan berdiri di tepi perkuburan dengan membelakangi kiblat dan menghadap ke arahmuka penghuni kubur yang diziarahi.

2. Mendoakan Ahli Kubur

Hendaklah orang yang menziarahi kubur mendoakan orang yang sudah meninggal agar Allah SWT mengampuni dosa-dosanya, disamping itu juga berdoa untuk dirinya

agar diampunkan dosa, termasuklah juga berdoa ialah membaca al-Quran yang pahalanya di sedekahkan kepada ahli kubur.

3. Tidak memuja-muja orang yang sudah meninggal.

Setiap muslim yang menziarahi kubur tidak seharusnya terlalu memuja-muja atau menganggap keramat sesebuah maqam disebabkan orang yang didalam maqam itu orang yang mulia dalam pandangan mereka. Hal ini dapat menimbulkan kecelaruan kepercayaan aqidah seseorang.

4. Tidak melakukan perkara yang khurafat.

Haram melakukan perkara-perkara khurafat dan syirik yang boleh menjejaskan aqidah seperti mencium atau mengusap-usap batu nisan, kubur, tanah perkuburan atau sebagainya.

5. Menjaga dan membersihkan kawasan tanah perkuburan.



Rajah 1 : Adab-adab menziarahi kubur atau maqam

Hikmah Menziarahi Kubur

Terdapat banyak kelebihan apabila seseorang itu menziarahi makam. Antara hikmah yang terkandung dalam tradisi ziarah kubur ialah untuk meningkatkan manusia yang masih hidup bahawa akan datangnya kematian pada saat yang telah ditentukan akan datang ajalnya sesuai dengan ketentuan yang telah ditetapkan bahwa semua makhluk yang hidup akan mengalami kematian.

Selain itu, amalan menziarahi kubur biasanya dilazimi dengan doa kepada Allah SWT agar arwah yang di dalam kubur tersebut diampuni segala dosa dan kesalahannya, dan ditempatkan pada tempat yang layak di sisi-Nya. Ini boleh diambil sebagai salah satu tempat untuk berdoa kepada semua muslim dan diri kita sendiri. Manusia sinonim dengan sifat lalai dalam kehidupan seharian, sehingga kadangkala seseorang belum sempat insaf dan bertaubat serta mempersiapkan diri untuk bertemu dengan Allah SWT. Oleh kerana itu, adalah satu kewajiban bagi yang hidup untuk mendoakannya terutama doa daripada anak yang soleh kepada ibubapanya.

Akhir sekali dengan menziarah kubur dapat menjadikan seseorang berfikir, merenung, dan bermuhasabah diri terhadap dirinya sendiri, berapa banyak dosa-dosa yang selama ini telah dirinya lakukan dan berapa banyak orang-orang disekelilingnya yang selama ini telah disakiti dan dizalimi olehnya. Sehingga dia akan berfikir tentang perhitungan amal yang akan dipertanggungjawab olehnya di akhirat kelak.

6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatlah disimpulkan bahawa pelancongan warisan berasaskan makam ulamak dan pejuang Islam di Kuala Terengganu ini merupakan salah satu faktor motivasi dalam menggalakkan aktiviti pelancongan pada masa kini. Pelancongan warisan berasaskan makam ulamak dan pejuang Islam dapat menyumbang impak sosiobudaya yang positif. Pembangunan pelancongan berteraskan warisan ini juga dapat mendatangkan natijah yang negatif apabila tiada perancangan yang sistematik dan kawalan yang longgar dalam menjaga tempat warisan ini.

Turut disertakan cadangan mengenai potensi pelancongan warisan berasaskan makam ulamak dan pejuang Islam di Kuala Terengganu, bagi memastikan pembangunan

pelancongan warisan ini berjaya maka, pengurusan dan pemantauan harus diwujudkan. Sesebuah destinasi pelancongan warisan yang berjaya adalah destinasi yang mempunyai rancangan pembangunan yang teliti dan menarik. Pihak kerajaan haruslah memainkan peranan yang utama dalam memastikan objektif pelancongan warisan ini tercapai. Selain itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab haruslah turut sama membantu agar pelancongan warisan berasaskan maqam ulamak dan pejuan Islam ini dapat direalisasikan. Ironinya, dalam usaha membangunkan potensi pelancongan yang mapan, setiap potensi memerlukan perancangan dan pengurusan yang efektif agar ianya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan natijah-natijah negatif pada masa akan datang.

7.0 PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke atas Ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ustaz kami khasnya Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik selaku pensyarah kepada subjek matapelajaran ini kerana memberi sokongan dan kelulusan kepada kami untuk melaksanakan kertas kerja ini. Dalam usaha menjayakan kertas kerja ini, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ustaz Wahab Mohd Ali kerana telah banyak membantu kami dengan memberikan bahan rujukan yang berkaitan dengan tugas ini. Beliau telah meluangkan masa dalam memberi tunjuk ajar dan membimbing kami untuk menyempurnakan kertas kerja ini.

Seterusnya, penghargaan kepada semua kawan yang terlibat atas kerjasama dalam menyiapkan kertas kerja ini. Tidak lupa juga, terima kasih kepada semua responden kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik dan temubual berkaitan dengan tugas. Akhir kata, seikhlas tulus kata terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu kami secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kertas kerja ini. Kami berharap agar kerjasama dan sokongan yang telah diberikan akan membuahkan hasil di masa hadapan dengan harapan akan beroleh kejayaan.

8.0 RUJUKAN

Dr. Haji Abdullah Ishak, (1993), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya, JAKIM.

- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Berhanudin Abdullah dan Rohaizan Baru,(2015), *Peranan Ulama dalam Kesultanan Terengganu*, Kuala Terengganu, Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Ismail Mat,(1992), *Ulama Silam dalam Kenangan*, Selangor, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paizah Hj. Ismail,(1990), *Generasi Ulama*, Kuala Lumpur, Media Ehsan.
- Aidit Ghazali dan Dzulfawati Hassan,(1997), *Peranan Ulama Dalam Pembangunan Menjelang Abad Ke-21*, Kuala Lumpur, Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- H.W.M. Shaghir Abdullah,(1990), *Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Ulama Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam, Penerbitan HIZBI.
- Hj. Wan Mohd.Shaghir Abdullah,(1999), *Penyebaran Islam Dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Kuala Lumpur, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara.
- Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan,(1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kelantan, Pakatan Keluarga Tuan Tabal.
- Haliza Abdul Rahman,(2018), *Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia*, Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah.
- Jabil Mapjabil .et al(2015), *Pelancongan Islam Suatu Tinjauan Konseptual dan Relevenya di Malaysia*, Malaysia Journal of Society and Space,
- Laman web <https://merahsilu.blogspot.com/search?q=terengganu>